

KABGold



KABGold®

Knowledge | Asset | Bullion

Petua

KEJAYAAAN

KAB GOLD EXECUTIVE PARTNER



www.kabgold.my

kemaskini Mei 2025

KANDUNGAN

- 1 APA ITU EXECUTIVE PARTNER?
- 2 CIRI-CIRI EXECUTIVE PARTNER YANG BERJAYA
- 3 APA EXECUTIVE PARTNER MESTI BUAT?
- 4 APA EXECUTIVE PARTNER TIDAK BOLEH BUAT?
- 5 KUNCI KEJAYAAN

APA ITU EXECUTIVE PARTNER?

- ✓ Executive Partner (EP) ialah pelanggan berdaftar yang membeli emas dengan jumlah tertentu sama ada pada hari biasa atau semasa promosi EP dijalankan.
- ✓ EP terdiri daripada 3 kumpulan iaitu Gold Advisor (GA), Gold Manager (GM) dan Gold Group Manager (GGM).
- ✓ Secara ringkasnya, semua EP akan menerima insentif belian untuk beliannya sendiri dan belian pelanggan yang diperkenalkannya kepada KAB Gold. EP juga akan menerima insentif untuk setiap jualan semula (buy back) emasnya kepada KAB Gold.
- ✓ EP tidak semestinya mengembangkan sayap perniagaannya bersama KAB Gold. EP juga boleh membeli emas untuk diri sendiri secara konsisten dan menikmati insentif sebagai rebat belian.
- ✓ Namun demikian, peluang untuk menjana pendapatan pasif tanpa had melalui model perniagaan KAB Gold ini tidak patut dibiarkan begitu sahaja oleh semua EP.
- ✓ Bagi EP yang berhasrat untuk menjana pendapatan pasif sebagai introducer kepada pelanggan baharu yang lain, dia mempunyai tanggungjawab yang lebih besar iaitu membimbing pelanggan baharu tersebut sehingga mereka mahir mengurusniaga sendiri dengan KAB Gold.

APA ITU EXECUTIVE PARTNER?

- ✓ Jika EP memperkenalkan pelanggan baharu kepada KAB Gold, tetapi pelanggan tersebut dibiarkan begitu sahaja tanpa bimbingan, ia adalah sesuatu yang amat dikesali. Ini kerana, setiap kali pelanggan tersebut membuat belian, sudah pasti ada bahagian insentif buat EP sebagai introducer.
- ✓ Oleh itu, EP perlu lebih bersungguh-sungguh mempersiapkan diri untuk menjadi EP yang bertanggungjawab. KAB Gold sentiasa bersedia untuk membantu EP dengan segala bentuk program latihan dan seminar secara percuma untuk melahirkan EP yang berwibawa.
- ✓ Model perniagaan KAB Gold ialah rujukan (referral). EP tidak perlu menyimpan stok emas. Apa yang perlu dibuat oleh EP ialah memperkenalkan KAB Gold kepada bakal pelanggan dan membimbing mereka untuk berurusan secara langsung dengan KAB Gold.
- ✓ Pekerjaan adalah ibadah jika diniatkan kerana Allah SWT. Pekerjaan yang terbaik ialah pekerjaan yang dilakukan dengan bersungguh-sungguh dan hasilnya sudah pasti lebih diberkati oleh Allah SWT.

CIRI-CIRI EXECUTIVE PARTNER YANG BERJAYA

✓ NIAT KERANA ALLAH.

Pasang niat untuk bekerja kerana Allah dan mengamalkan apa yang disarankan oleh Rasulullah SAW. Jangan jadikan duit sebagai matlamat tetapi ia sudah pasti akan datang sebagai hasil daripada kerja yang baik. Jadilah manusia yang sentiasa mencari peluang untuk memberi manfaat kepada manusia lain. Barulah untung di dunia dan untung di akhirat.

✓ BERSEMANGAT DAN BERSUNGGUH-SUNGGUH.

Walaupun hanya bergelar Executive Partner (EP), perniagaan ini adalah perniagaan EP sendiri. Baik atau buruk hasilnya di kemudian hari, bergantung kepada usaha dan kesungguhan EP. Tiada siapa yang memaksa tetapi apa salahnya dilakukan dengan sepenuh hati? Hasilnya nanti pasti akan lebih menggembirakan.

✓ TIDAK KEDEKUT DAN BERKIRA UNTUK BELAJAR.

Pelaburan paling baik ialah pelaburan ke atas diri sendiri. Usaha untuk tambah sebanyak mungkin ilmu. Beli dan baca buku-buku yang berkaitan. Kadang-kadang, ia memerlukan pengorbanan wang, masa, tenaga untuk sampai ke sesuatu majlis ilmu. Pejamkan mata untuk semua itu. Bersusah-susah dahulu, bersenang-senang kemudian.

CIRI-CIRI EXECUTIVE PARTNER YANG BERJAYA



✓ ULTRA-FOKUS KEPADA JENAMA YANG SATU.

Ramai orang menyangka, dengan mempromosikan banyak jenama emas, ia akan mendatangkan hasil yang lebih. Sebenarnya, ultra-fokus kepada satu jenama akan lebih menguntungkan secara jangka panjang. Di samping EP membina nama sendiri, ia juga akan meningkatkan keyakinan para pembeli dan mereka tidak akan keliru.

✓ JUJUR DAN AMANAH.

EP yang bekerja dengan jujur dan amanah akan sentiasa dijaga oleh Allah SWT. Di akhirat pula akan dihimpunkan bersama-sama dengan para Nabi, orang-orang yang benar dan orang-orang yang soleh. Sentiasalah jujur dan amanah dalam mendidik masyarakat tentang emas tanpa mengharapkan apa-apa balasan atau pujian.

✓ ISTIQAMAH DAN KONSISTEN.

Masa bergerak begitu pantas. Fokus pada bisnes KAB Gold. Buat dengan betul dan buat dengan sabar. Sudah menjadi hukum alam, kesenangan tidak datang dalam sekelip mata. Ia disulami dengan peluh dan air mata. Jangan mudah mengalah. Jadikan itu semua sebagai pakej sebuah kejayaan.

CIRI-CIRI EXECUTIVE PARTNER YANG BERJAYA



✓ SELALU FIKIR KE HADAPAN SECARA KREATIF.

Jangan tunggu sehingg nasi disuap ke dalam mulut. Ambil nasi tersebut dan suap sendiri ke dalam mulut. Rasa kenyang akan lebih cepat dinikmati. Begitulah juga dalam perniagaan. Selain daripada apa yang disediakan oleh KAB Gold, usahakan juga inisiatif sendiri. Itu akan menjadi pembeza yang ketara antara EP yang biasa dan EP yang luar biasa.

✓ MENDIDIK LEBIH DAHULU DARIPADA MENJUAL.

Emas adalah sesuatu yang unik. Orang yang membeli emas kerana sentimen, maka dia akan membeli sekali sahaja. Orang yang membeli emas kerana ilmu, maka dia akan membeli berkali-kali. Didiklah masyarakat tentang kelebihan dan kepentingan simpanan emas. Tidak perlu memaksa mereka membeli emas pun, mereka akan membelinya sendiri.

✓ PENYOKONG UTAMA KEPADA SEGALA INISIATIF.

EP adalah barisan utama KAB Gold. Sebagai barisan utama, sudah semestinya EP wajib menjadi penyokong kuat kepada segala inisiatif yang diwujudkan oleh KAB Gold tidak kiralah dari sudut produk dan juga program atau acara. EP mesti sedaya mungkin memiliki semua produk dan hadir dalam semua acara atau program yang dianjurkan oleh KAB Gold.

CIRI-CIRI EXECUTIVE PARTNER YANG BERJAYA



BERGANTUNG, PERCAYA DAN BERSERAH SEPENUHNYA KEPADA ALLAH.

Amalkan sentiasa bergantung kepada Allah. Hanya Allah yang berkuasa atas segalanya. Jadilah WJ yang beriman dan percaya dengan segala ketentuan Allah. EP yang beriman akan bersyukur dengan nikmat serta pemberian. EP yang beriman juga akan bersabar dengan segala cabaran dan dugaan di sepanjang perjalanan. Kedua-duanya baik dan akan dibalas dengan kebaikan oleh Allah SWT.



APA EXECUTIVE PARTNER MESTI BUAT?

- ✓ Perkenalkan diri anda sebagai Executive Partner (EP) KAB Gold.

Perniagaan emas adalah berasaskan kepercayaan. Bina kepercayaan tersebut sedikit demi sedikit dengan seramai mungkin audience. Gunakan gambar yang betul dan nama yang sebenar di semua platform yang sesuai.

- ✓ Mahirkan diri dengan proses jual beli emas di KAB Gold dan apa saja proses berkaitan di luar KAB Gold seperti Arrahnu dan sebagainya.

Kemahiran ini sangat penting kerana EP yang baik ialah EP yang memahami dengan jelas segala proses dan boleh memberi bimbingan kepada pelanggan khususnya dan masyarakat amnya.

- ✓ Bina kredibiliti dengan berkongsi ilmu dan pengalaman sebagai penyimpan emas.

Usaha ini akan mengambil masa tetapi sangat berbaloi. Jika kredibiliti dapat dibina, kumpulan bakal pelanggan akan menjadi lebih luas. Ia bukan sahaja orang yang dikenali tetapi juga orang yang tidak dikenali.

- ✓ Senaraikan nama bakal pelanggan.

Kenal pasti seramai mungkin pelanggan yang mahu didekati. Ia mungkin daripada senarai nombor telefon yang tersimpan, kawan-kawan sepejabat, rakan-rakan di tempat pengajian sebagainya.

APA EXECUTIVE PARTNER MESTI BUAT?

- ✓ **Tunjukkan platform, produk dan model perniagaan KAB Gold kepada bakal pelanggan.**

Platform yang terlibat ialah laman web, semua saluran media sosial, ibu pejabat dan cawangan. Mesti tahu apakah produk yang terdapat di KAB Gold, cara membeli dan kelebihan masing-masing. Terangkan juga tentang model perniagaan dan bezanya dengan syarikat emas lain.

- ✓ **Daftarkan sebagai pelanggan berdaftar.**

Kelebihan KAB Gold ialah pendaftaran adalah percuma. Pendaftaran tanpa belian adalah sah tetapi lebih baik jika disertai terus dengan pembelian. Boleh memanfaatkan link rujukan (referral link) untuk mendaftar dengan pantas dan mudah.

- ✓ **Susuli (follow up) bakal pelanggan sekerap mungkin.**

Setiap bakal pelanggan yang telah dihubungi mesti disusuli dengan pelbagai cara dan kaedah supaya akhirnya mereka mula membuat belian. Proses susulan boleh dihentikan apabila bakal pelanggan dengan jelas menyatakan bahawa mereka tidak berminat.

- ✓ **Bimbing sehingga mahir.**

Pelanggan yang telah berdaftar dan membeli dengan KAB Gold mesti diberi penerangan dan bimbingan agar mereka dapat berurusan terus dengan KAB Gold. Ini dapat menjimatkan masa dan tenaga EP. Dengan cara ini, perniagaan EP akan berkembang dengan pesat dan cepat.

APA EXECUTIVE PARTNER TIDAK BOLEH BUAT

- ✓ Jangan memandai-mandai berbuat sesuatu sebelum mengesahkannya dengan syarikat atau introducer.

KAB Gold ada model perniagaan, polisi dan prosedurnya yang tersendiri. Ia dicipta khas untuk kebaikan dan manfaat semua pihak.

- ✓ Jangan menyebarkan cerita-cerita tidak baik yang berlaku berdasarkan pengalaman sendiri atau pelanggan dalam empayar emas masing-masing.

Lebih-lebih lagi jika ia hanyalah sangkaan atau agakan. Ia hanya akan memburukkan lagi keadaan dan tidak akan menguntungkan sesiapa pun.

Seeloknya, selesaikan sebarang isu yang timbul secara berhemah kerana tidak ada masalah yang tidak dapat diselesaikan.

- ✓ Jangan sesekali terlibat dengan pertelingkahan yang melibatkan ego, politik dan juga agama.

Setiap orang ada prinsip dan pegangan masing-masing. Jangan sesekali cuba cari pasal dengan orang lain kerana ini akan memberi kesan buruk kepada kredibiliti diri dan juga pencapaian perniagaan.

APA EXECUTIVE PARTNER TIDAK BOLEH BUAT

- ✓ Jangan cuba menipu pelanggan atau bakal pelanggan.

Perniagaan emas ialah perniagaan berasaskan kepercayaan. Kepercayaan yang dibina sekian lama boleh runtuh dalam sekelip mata jika tidak dijaga dengan bersungguh-sungguh.

- ✓ Jangan memburuk-burukkan produk atau perkhidmatan syarikat emas lain.

Fokus hanya kepada KAB Gold. Jika perlu dibuat perbandingan, bandingkan secara adil dan berfakta.

Jangan membuat kesimpulan terhadap produk syarikat lain. Tinggalkan kepada pelanggan atau bakal pelanggan untuk membuat keputusan.

- ✓ Jangan buat aduan, kritik atau merendah-rendahkan apa saja produk dan perkhidmatan KAB Gold secara terbuka.

Jika perlu, panjangkan segala masalah ke saluran yang betul. KAB Gold bersedia untuk menerima segala cadangan dan penambahbaikan demi kemaslahatan semua pihak.

APA EXECUTIVE PARTNER TIDAK BOLEH BUAT

- ✓ Jangan mengejar untuk membesarkan empayar emas semata-mata tetapi di waktu yang sama membiarkan para pelanggan tanpa bimbingan.

Setiap Executive Partner (EP) dibayar insentif atas belian pelanggan yang diperkenalkan. Jadilah EP yang bertanggungjawab dengan sentiasa meningkatkan ilmu dan kemahiran.

Dengan ilmu dan kemahiran tersebut, para pelanggan dapat dibimbing dan merujuk jika berlaku sebarang masalah sepanjang berurusan dengan KAB Gold. Barulah rezeki akan menjadi berkat kerana ia setimpal dengan kerja yang dilakukan.

- ✓ Jangan jadikan duit sebagai matlamat utama dalam perniagaan.

Duit hanyalah hasil daripada usaha bersungguh-sungguh dan kerja yang mengikut caranya yang betul.

Betulkan niat untuk mencari keredhaan Allah dengan cara mendidik masyarakat dengan ilmu kewangan yang baik. Jika tidak dapat duit sekali pun, pahala ibadah sudah pun ditulis oleh Allah SWT.

APA EXECUTIVE PARTNER TIDAK BOLEH BUAT

- ✓ Jangan sesekali berputus asa dan mudah menyerah kalah.

Kejayaan tidak datang dalam sekelip mata. Ia memerlukan masa dan pengorbanan dalam pelbagai bentuk.

Cabaran datang dalam pelbagai bentuk dan keadaan. Ia asam garam dalam dunia perniagaan. Atasinya dengan mengikuti pelbagai kelas dan seminar yang dianjurkan oleh KAB Gold.


Buat dengan betul, buat dengan sabar. InsyaAllah, kejayaan akan datang bila sampai masanya.

- ✓ Jangan lupa untuk berdoa, bersangka baik dan berserah kepada Allah.

Buat apa pun, hanya dengan izin Allah sahaja kita akan berjaya. Jika Allah tidak izinkan, usahalah macamana teruk sekali pun, sudah pasti kita tidak akan dapat hasil seperti yang kita idamkan.

Allah maha melihat. Allah maha adil.

Sekecil mana pun usaha, sudah pasti akan dibalas dengan kebaikan oleh Allah. Apatah lagi jika usaha itu secara bersungguh-sungguh dan melebihi dari yang sepatutnya, sudah pasti akan dibalas dengan balasan yang setimpal.



✓ Iman yang teguh kepada Allah SWT.

Setiap apa yang berlaku adalah dengan izin Allah SWT. Jika Allah izinkan, tiada satu kuasa pun yang dapat menghalang. Jika Allah tidak izinkan, buatlah apa sahaja, sudah tentu ia tidak akan berjaya dan menemui jalan buntu.

Usaha, doa dan tawakal. Itulah azimat paling berharga bagi orang-orang yang beriman dengan Allah dan segala ketentuannya.

✓ Sentiasa berfikiran positif dan bercakap perkara yang baik.

Kejayaan bermula daripada minda yang betul. Musuh utama bagi kejayaan ialah alasan-alasan yang melemahkan semangat.

Fikiran yang positif akan melahirkan tindakan yang positif. Ucapkan hanya perkataan yang baik kerana setiap ucapan itu adalah doa.

✓ Jalinkan kerjasama yang utuh dengan KAB Gold dan antara sesama Executive Partner yang lain.

Jika mahu bergerak pantas, bergeraklah secara bersendirian. Tetapi jika mahu bergerak lebih jauh, bergeraklah secara beramai-ramai, bersama-sama dan dalam kumpulan.

